

**SOALAN NO: 169****PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Bertulis****DARIPADA : Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu]****SOALAN : Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan punca belia di negara ini tidak berminat dalam sektor pertanian serta cadangan bagi meningkatkan penyertaan golongan belia dalam sektor ini sama seperti kerjaya profesional yang lain.**

## JAWAPAN

Antara punca belia di negara ini tidak berminat dalam sektor pertanian adalah seperti berikut:

- 1) Tahap keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) belia yang masih berada pada tahap sederhana dan rendah dalam memasarkan produk pertanian dilihat sebagai kekangan dalam meneroka pasaran baru yang lebih luas. (Seminar Penyelidikan Belia Berimpak Tinggi IYRES, 2016);
- 2) Cabaran mendapatkan tanah pertanian dan sumber kewangan untuk menceburkan diri dalam industri pertanian;
- 3) Pendapatan daripada hasil pertanian tidak konsisten kerana sangat bergantung kepada penawaran dan permintaan pasaran semasa; dan
- 4) Mempunyai risiko yang tinggi kerana terlibat secara langsung dengan faktor cuaca, tenaga buruh, harga, penyakit, perosak dan harga.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Program Agropreneur Muda bagi menarik minat golongan belia terlibat dalam sektor agromakanan.

Statistik golongan belia yang menceburi bidang usahawan pertanian di bawah program ini dari tahun 2014 sehingga 30 Jun 2017 adalah seramai 3,517 orang dengan pecahan sektor seperti berikut:-

- i. Tanaman – 1,343 orang
- ii. Perikanan – 330 orang
- iii. Ternakan – 810 orang
- iv. Industri Asas Tani – 1,034 orang

Selain itu, Jabatan Pertanian juga melaksanakan program-program latihan seperti Program Sijil Pertanian; Program Inkubator Usahawan Belia Tani; Program Sijil Kemahiran Malaysia; Program Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) di Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor dan Universiti Sains Islam Malaysia Nilai, Negeri Sembilan; Program Keusahawanan Kemahiran Pemprosesan Makanan dan Program Latihan Beliatani Di Jepun bagi menyokong usaha Kementerian dalam menarik minat belia.

Melalui bimbingan jabatan dan agensi di bawah Kementerian ini, golongan belia telah diberi latihan dalam bidang pengurusan projek, pemprosesan makanan, keusahawanan dan pemasaran. Di samping itu, khidmat nasihat teknikal juga disediakan. Contohnya seperti di Jabatan Pertanian, mereka terlibat dalam bidang agronomi tanaman, pengurusan tanah, kawalan perosak dan penyakit dengan mengamalkan Amalan Pertanian Baik bagi meningkatkan pengeluaran tanaman makanan negara.